

REC

Tusuk

Muhamad Rafi Abu Bakar

Panduan Pengajaran dan Pembelajaran


Tusuk

Muhamad Rafi Abu Bakar

PENGENALAN

Bagi memberikan pelajar mendalami cerpen 'Tusuk' secara kolaboratif, proses pembelajaran 'Reciprocal' telah dipilih. Proses ini dapat memastikan pelajar yang membaca cerpen ini menggunakan pengetahuan serta pengalaman sedia ada untuk membuat ramalan, mendapatkan penjelasan, menyoal tentang sebarang kemusykilan tentang cerpen tersebut dan akhir sekali membuat rumusan berdasarkan pembelajaran secara kolaboratif bersama rakan-rakan dalam kumpulan. Melalui aktiviti bertanyakan soalan, pelajar dapat meningkatkan pemahaman pelajar dan pada masa yang sama meningkatkan kemahiran metakognisi pelajar melalui aktiviti berdialog dengan rakan-rakan. Perkara ini akan melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran dan pemahaman cerpen.

Pengajaran Reciprocal Peranan dan Strategi



OBJEKTIF PELAJARAN	<p>Pada akhir pelajaran, pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • bertanyakan soalan-soalan mengenai latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen, (kemahiran membaca & bertutur); • meningkatkan pemahaman melalui aktiviti berdialog tentang masyarakat yang terdapat dalam cerpen; dan (kemahiran mendengar, menulis & interaksi lisan); dan • mempamerkan pemahaman mereka tentang cerpen 'Tusuk' dan dapat bekerja dalam kumpulan (Kemahiran Lisan).
---------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

LANGKAH-LANGKAH PELAJARAN



Langkah 1: Membuat ramalan – Pelajar membuat ramalan tentang apa yang boleh mereka jangkakan dapat dipelajari berdasarkan perenggan pertama cerpen 'Tusuk'. Apa yang mereka fahami dengan erti tusuk dan apakah yang dapat mereka ramalkan. Dalam hal ini, pelajar perlu mengaktifkan pengetahuan sedia ada. Setiap pelajar perlu membuat ramalan. Selepas membuat ramalan barulah teks dibaca.

Contoh ramalan pelajar – Saya ramalkan cerita ini mengisahkan tentang...Saya percaya... Saya yakin...

Langkah 2: Membaca

Secara individu, pelajar membaca cerpen 'Tusuk'.

Langkah 3: Menjelaskan

Dalam kumpulan pelajar akan menjelaskan kosa kata yang tidak difahami, kosakata yang kerap kali digunakan untuk memberikan pemahaman yang jelas. Ini dapat membantu mereka memahami cerpen yang dibaca.

Contoh pelajar meminta penjelasan - Saya tidak faham... Saya keliru mengapa...

Langkah 4: Mempersoal perkara dan kejadian yang berlaku

Pelajar yang diberikan peranan sebagai 'Penyoal' bertanyakan soalan tentang apakah idea utama cerpen ini dan apa temanya. Apa sahaja yang boleh membuatkan mereka bertanyakan soalan dan apa sahaja soalan yang terlintas dicatatkan.

Contoh soalan pelajar – siapa, apa, di mana, bila, mengapa dan bagaimana

Langkah 5: Meringkaskan

Pelajar menyerlahkan perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam cerpen. Ini diharapkan agar pelajar dapat membentuk idea utama cerpen. Pelajar digalakkan memberikan ringkasan individu.

Contoh ringkasan pelajar – cerpen ini menceritakan tentang ...

Lampiran 1: Templat Catatan Pembelajaran Reciprocal

Ramal	Jelas	Soal	Rumus
Berdasarkan judul cerpen Tusuk, apa ramalan anda tentang cerpen ini?	Setelah membaca, apakah perkara yang perlu anda dapatkan penjelasan? -Kosa kata -Ayat -kekeliruan yang timbul	Berdasarkan cerpen tusuk, apa soalan yang timbul di fikiran anda?	Berdasarkan informasi dan pemahaman anda, rumuskan cerpen tusuk (80 patah perkataan)

SOALAN PERBINCANGAN

1. Mengapakah mesin baharu membuat pekerja-pekerja kebimbangan?
2. Pada pandangan kamu, patutkah gaji pekerja dipotong sekiranya syarikat menerima banyak aduan?
3. Mengapakah Tuan Haji tidak melaporkan Salmah kepada pihak polis? Setujukah kamu dengan tindakan Tuan Haji?

SOALAN JENIS SASTERA

1. Nyatakan dua latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen Tusuk ini.
2. Jelaskan pengajaran yang diketengahkan dalam cerpen 'Tusuk'. Senaraikan sekurang-kurangnya tiga pengajaran yang dapat kamu raih setelah membaca cerpen ini.

EHWAL SEMASA

Dalam pergaulan sehari-hari, remaja berinteraksi dan berhubungan rapat dengan rakan-rakan di sekeliling mereka. Remaja berhadapan dengan pelbagai sikap manusia yang tidak semestinya membawa pengaruh yang baik dalam kehidupan mereka. Bagaimanakah remaja boleh membina kemahiran untuk menilai dan membuat keputusan yang betul dan tepat apabila berhadapan dengan sesuatu isu? Bincangkan.